

# SPRM cari dua individu termasuk menantu Muhyiddin

## Bantu siasatan penyelewengan projek babit pekerja asing

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli perniagaan, Datuk Muhammad Adlan Berhan, yang juga menantu kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kini sedang dicari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Muhammad Adlan, 48, bersama seorang peguam, Mansoor Saat, 69, dikehendaki suruhanjaya itu bagi membantu siasatan isu rasuah dan penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing bagi sebuah Kementerian.

SPRM berkata, pihaknya sudah cuba menghubungi kedua-duanya secara terus dan menerusi peguam masing-masing.

“Namun, kedua-dua mereka enggan tampil memberi kerjasama. Semakan rekod juga mendapati kedua-dua individu terbabit sudah meninggalkan Malaysia, masing-masing pada 17 Mei dan 21 Mei lalu.

“Setakat ini, tiada rekod menunjukkan kedua-duanya kembali ke Malaysia,” kata SPRM menerusi kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Muhammad Adlan dilaporkan beralamat terakhir di Lot 65, Sunway Kiara Hills, Jalan 32/70A Desa Sri Hartamas di sini, ma-

nakala, Mansoor beralamat di 5 Jalan SS19/1C Subang Jaya, Selangor.

Orang ramai yang mengenali atau mempunyai maklumat mengenai individu terbabit diminta menghubungi Pegawai Penyiasat, Nur Muhammad Amin Jamaluddin menerusi telefon 603-8870 0799 atau 016-4322 699 atau emel kepada amin.jamaluddin@sprm.gov.my.

Pada 28 Februari lalu, *BH* melaporkan, Muhyiddin ketika berucap di Parlimen, menafikan dakwaan bahawa anak dan menantunya (Muhammad Adlan) memperoleh kontrak dalam Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISE).

Muhyiddin yang juga Ketua Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) berkata demikian ketika bangun mencelah selepas kekecohan berlaku sebaik Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) membuat dakwaan itu pada awal perbahasan Belanjawan 2023 peringkat dasar di Dewan Rakyat.

“Saya duduk, agak bersabar mendengar tuduhan yang telah dibuat oleh Kota Melaka. Saya sudah jelaskan, Yang Dipertua pada hari saya berucap yang lepas. YB (Yang Berhormat) Jelutong (ketika itu) bangkit dan beberapa

lagi YB Ipoh Timur tak silap saya bangkit soal itu.

“...yang mengatakan tentang menantu (saya), Muhamad Adlan, telah pun mendapat kontrak NIISE iaitu sistem Imigresen yang disatukan di waktu mana Larut (Datuk Seri Hamzah Zainudin) adalah menteri dalam negeri.

“Saya sudah sebut hari itu, ia adalah pembongkaran, fitnah, tidak betul dan pertuduhan yang berat nak menjatuhkan maruah saya dan juga maruah keluarga saya. Ini perkara yang berat,” katanya.

Dalam masa sama, beliau juga menyifatkan laporan media mengenai isu itu sebagai berita palsu.

“Tetapi kalau nak tanya saya, saya nak beritahu di sini dengan jelas bahawa (dakwaan) itu tidak benar, bahawa keputusan yang telah dibuat oleh pihak jawatankuasa pemilihan untuk memilih penender

sebagai tender terbuka, bukan syarikat milik anak menantu saya iaitu syarikat daripada Iris Corporation Berhad.

“Saya nak jelaskan di sini sebab ini peluang saya nak nyatakan dengan jelas.... kalau YB di sini membangkitkan itu (tuduhan) itu di luar, saya akan ambil tindakan undang-undang.

“Kalau berani sebut di luar (Dewan Rakyat),” katanya ketika itu merujuk kepada Poay Tiong.



Muhammad Adlan



Mansoor Saat